

Semarak UNITI satukan rakyat

Galeri UNITI Keluarga Malaysia semarakkan perpaduan negara



Kementerian Perpaduan Negara kini semakin giat memperkuatkan usaha menyemarakkan lagi semangat perpaduan Keluarga Malaysia.

Program-program yang menerapkan nilai-nilai permuafakatan dan kebersamaan kepelbagaian kaum menjadi tumpuan utama kementerian dalam mendukung aspirasi perpaduan negara.

Galeri UNITI Keluarga Malaysia adalah sebuah program yang menghimpunkan karya-karya istimewa detik-detik perpaduan merentasi sempadan kaum, agama, budaya dan bahasa.

Garapan pelbagai aktiviti yang dapat menyatupadukan masyarakat dan membuka ruang untuk rakyat saling berinteraksi terus ditekankan di dalam pengurusan program ini.

Program Galeri UNITI Keluarga Malaysia dilancarkan oleh Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, di AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn hari ini.

Program berlangsung selama sepuluh hari bermula 29 September hingga 9 Oktober dari jam 10 pagi hingga 10.30 malam.

Menurut Halimah, permuafakatan dari kalangan masyarakat harus terus dipupuk bagi memastikan perpaduan dan keharmonian terus terpelihara dengan baik.

Beliau berkata, penghayatan yang lebih mendalam terhadap kepelbagaian seni, budaya dan adat resam yang



Dalam program Citarasa Menu Keluarga Malaysia, Halimah mengerakkan pelbagai program meraikan kepelbagaian melalui makanan yang beridentitik kaum.



Warna warni dalam acuan Keluarga Malaysia.

“

Usaha penyatuan Keluarga Malaysia yang direncanakan dalam program ini diharap dapat dilihat, didengar dan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.”

menjadi amalan masyarakat majmuk di Malaysia ini mampu menimbulkan rasa menghargai antara satu sama lain.

“Usaha penyatuan Keluarga Malaysia yang direncanakan dalam program ini diharap dapat dilihat, didengar dan dirasai oleh setiap segenap lapisan masyarakat.

“Inilah dia *Moments of Unity*. Mencungkil persamaan dan menghormati perbezaan. Walaupun berbeza namun kita masih tetap bersama untuk mencapai kejayaan,” kata Halimah.

Jelasnya, peranan membangunkan masyarakat progresif yang bersatu padu bukanlah bergantung kepada pihak kementerian sahaja, malah ia adalah tanggungjawab yang merentasi semua agensi dan organisasi.

Justeru katanya, kolaborasi strategik antara kementerian dan rakan perpaduan AEON BiG (M) Sdn. Bhd dilihat berupaya menyemarakkan lagi semangat perpaduan Keluarga Malaysia melalui penghayatan nilai kebersamaan dan meraikan kepelbagaian masyarakat majmuk di negara ini.

Pengisian sepanjang program: Pameran Rumah KAMI

Pameran yang berkonsepkan kepelbagaian kaum di Malaysia ini memberi peluang kepada setiap pengunjung mengenali keistimewaan dan keunikan tradisi dan budaya yang menjadi amalan masyarakat majmuk di negara ini. Pengenalan terhadap kepelbagaian budaya ini mampu menyuntik rasa menghargai antara satu sama lain di samping dapat

memperkuuh amalan hormat-menghormati antara kaum.

Citarasa Menu Keluarga Malaysia

Dalam usaha memartabatkan ikatan penyatuan Keluarga Malaysia, kementerian melihat sajian kepelbagaian menu makanan yang berlatar belakangkan kaum yang berbeza mampu menjadi platform pengukuhan tapak integrasi perpaduan Keluarga Malaysia. Dalam segmen ini, pengunjung berpeluang mencuba sendiri keunikan rasa setiap hidangan yang beridentitik kepelbagaian kaum.

Persembahan Busana Etnik Keluarga Malaysia

Busana indah yang melambangkan budaya dan identiti kaum akan turut dipersembahkan kepada pengunjung. Pepatah tidak kenal maka tidak cinta amatlah tepat untuk digambarkan di sini kerana keindahan setiap busana yang dipamerkan sudah pasti memukau setiap pengunjung yang hadir.

Aktiviti sukan tradisional

Detik-detik perpaduan bersama Keluarga Malaysia diserikan lagi dengan pengisian permainan sukan tradisional yang turut dikenali dengan sukan rakyat. Pengunjung berpeluang untuk turut serta bermain dalam acara sukan yang disediakan antaranya congkak, batu seremban dan yoyo Cina.

Program seumpama ini dilihat wajar diteruskan dengan penglibatan lebih banyak rakan perpaduan pada masa akan datang.

Maklumat lanjut boleh layari facebook Kementerian Perpaduan Negara.

Jom sama-sama kita raikan kepelbagaian dan hormati perbezaan dengan merakyatkan perpaduan Keluarga Malaysia.



Meraikan seni dan budaya dalam mengeratkan ikatan perpaduan.

Senarai lokasi Galeri UNITI Keluarga Malaysia

- AEON BiG Bandar Tun Hussein Onn, Kajang Selangor
- AEON Bandar Baru Klang, Selangor
- AEON BiG Batu Pahat, Johor
- AEON BiG Falim, Ipoh Perak
- AEON BiG Penang Prai, P. Pinang
- AEON Bandaraya Melaka
- AEON Kota Bharu, Kelantan
- AEON Kuching, Sarawak
- AEON Seremban 2, N. Sembilan
- Ruang Legar Pasaraya Kuantan Parade, Kuantan Pahang
- Pusat Beli Belah KTCC Mall, Terengganu
- Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan, W.P Putrajaya
- Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Sabah
- Kompleks Ujana Kewangan W.P Labuan
- Econsave Kota Tinggi, Johor
- Pasaraya Cmart Arau, Perlis
- Wisma Persekutuan Anak Bukit, Kedah